

11/03/1998

Myanmar tidak sertai Asem kedua

KUALA LUMPUR, Selasa - Myanmar tidak akan menyertai mesyuarat kedua Asia-Eropah (Asem) di London bulan depan berikutan badan itu bukan perwakilan blok perdagangan kerana keanggotaannya mengikut negara tersendiri, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, berikutan tidak ada penambahan bilangan negara untuk menyertai Asem sama ada dari Eropah atau Asia, Myanmar dan Laos tidak akan turut menghadiri mesyuarat itu, katanya.

"Kita tidak menambah bilangan negara baru sama ada dari Eropah atau Asia," katanya ketika mengulas mengenai kemungkinan dua ahli baru Asean, Laos dan Myanmar menyertai Asem.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah setibanya dari Yangon selepas lawatan dua hari ke Myanmar, malam ini. Turut mengiringi beliau ialah isterinya, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Antara yang menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman; dan pemimpin korporat.

Ketika di Yangon, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Jen Than Shwe.

Perbincangan mereka tertumpu kepada rancangan menggunakan mata wang serantau dalam perdagangan antara Asean.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, Myanmar bersetuju dengan cadangan menggunakan mata wang Asean terutama dalam urusan perdagangan dua hala.

"Mereka positif, mereka bersetuju untuk menggunakan mata wang itu lebih-lebih lagi untuk mengadakan perjanjian bayaran dua hala," katanya.

Beliau memuji kemajuan yang dicapai Myanmar, terutama dari segi pelaburan asing.

"Sekarang ini keadaan lebih relaks daripada dulu. Negara ini sudah terima banyak pelaburan.

"Begitu juga dengan kemajuan, kalau dulu tidak ada hotel antarabangsa sekarang sudah ada 3,000 bilik termasuk hotel lima bintang.

"Bidang perindustrian juga pesat, banyak kilang baru, jalan diperbesarkan, bersih. Nampaknya banyak kemajuan sudah dicapai," katanya.

(END)